

# Lawatan Pemantauan Hari Pertama Persekolahan Tahun 2017



**3 Jan 2017** – Pengarah Jabatan Pendidikan WP Labuan, En Raisin bin Saidin telah mengadakan lawatan pemantauan hari pertama sesi persekolahan tahun 2017 di dua buah sekolah sekitar Labuan iaitu di SJKC Chi Wen dan SK Patau-Patau.

Beliau diiringi oleh ketua-ketua sektor dan pegawai daripada Jabatan Pendidikan WP Labuan.

Dalam ucapan beliau di SJK(C) Chi Wen, memaklumkan bagi sesi pendaftaran tahun 1 bagi tahun 2017, seramai 1,568 pelajar tahun 1 telah mendaftar manakala bagi Tingkatan 1 seramai 1,202 pelajar telah mendaftar di sekolah-sekolah W.P Labuan. Pada Sesi lawatan tersebut Pengarah juga

sempat beramah mesra dengan ibubapa.

En. Raisin bin Saidin juga mengucapkan syabas dan tahniah kepada warga sekolah yang telah berjaya menjalankan tugas pada hari pertama ini dengan baik.

Beliau berharap agar kecemerlangan dalam mendidik anak-anak murid dapat dipertingkatkan dari semasa ke semasa.



---

**1410 Guru Labuan Terima  
Pelan Data Internet dan  
Telefon Pintar**



**30 Dis 2016** – 1410 guru sekolah menengah dan rendah seluruh Labuan menerima agihan Pelan Data Internet dan “Smart Phone Altitude” dibawah Projek Perkhidmatan 1Bestarinet Fasa Dua Kementerian Pendidikan Malaysia hari ini.

Pelan Data Internet 2GB setiap bulan dan “Smart Phone Altitude” merupakan penambahbaikan dari perkhidmatan 1Bestarinet Fasa 1.

Telefon pintar ini dilengkapi dengan aplikasi yang telah disepadukan dengan aplikasi Frog Assignment, Frog Chat dan Frog Snap untuk membolehkan akses untuk menyemak kerja rumah yg diberikan kepada pelajar.

Menurut Pengarah Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan, Encik Raisin Saidin, 1BestariNet merupakan projek transformasi pendidikan yang diperkenalkan kerajaan bagi menghubungkan semua sekolah kepada satu platform pembelajaran tunggal, mesra pengguna dengan persekitaran rangkaian yang lebih selamat.

*Telefon pintar ini turut dilengkapi dan disepadukan*

*dengan aplikasi Frog Assignment, Frog Chat dan Frog Snap yang lebih fleksibel serta mudah digunakan.*

*Melalui aplikasi ini, guru boleh memberi dan menyemak tugas murid melalui “Frog Virtual Learning Environment “ (VLE) di mana sahaja dengan mudah dan ia juga dilengkapi dengan Pelan Data Guru 2GB bagi setiap guru yang membolehkan guru mengakses internet untuk tujuan Pembelajaran dan Pengajaran.*

*“Di samping mereka boleh berhubung dengan rakan guru lain dengan panggilan dan SMS tanpa kos pada bila-bila masa dan di mana jua bagi bertukar-tukar idea dan pendapat untuk meningkatkan lagi mutu pengajaran terhadap para pelajar”.*

*“Memandangkan 1BestariNet adalah komponen utama dalam Anjakan 7, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia, maka agihan smart phone ini kepada guru-guru dapat meningkatkan lagi pengajaran dan pembelajaran (PdP) di sekolah masing-masing, terutamanya dalam Frog VLE”.  
Encik Raisin Saidin.*

Beliau berharap agar para pendidik dapat memanfaatkan kemudahan yang diberikan ini dengan kelebihan teknologi di dalam pembelajaran masa kini yang tidak pernah dirasai oleh mereka sebelum ini sebagai landasan untuk menerokai kaedah baru pembelajaran yang bersesuaian dengan gaya dan tempo pembelajaran alaf baharu.



“Penerimaan telefon pintar tersebut diharapkan menyumbang ke arah hasrat kerajaan untuk membudayakan ICT dalam kalangan guru dan murid”, ujar Ahli Parlimen Labuan, Datuk Rozman Haji Isli.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Majlis Pengagihan Telefon Pintar tersebut di Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri WP Labuan, di sini, petang tadi.

*“Peluasan penggunaan dan kemajuan yang telah dicapai dalam bidang ICT di Malaysia adalah sesuatu yang boleh dibanggakan”,*

*“Langkah Kerajaan dalam melaksanakan pelbagai projek transformasi dan program ICT dalam pendidikan telah berjaya membudayakan ICT sebagai budaya kerja dalam bidang pendidikan”. Datuk Rozman Haji Isli.*

Datuk Rozman optimis tahap ICT murid-murid dan guru-guru semakin hari semakin meningkat dan adalah tidak keterlaluan bahawa hampir semua guru dan murid dalam sistem persekolahan telah didedahkan kepada literasi ICT sama ada dalam pendidikan mahu pun pengurusan.

Bagi Pengetua Sekolah Menengah Pantai IB World Labuan, Encik Sahar Misron berasa gembira dan bersyukur dengan adanya telefon pintar tersebut ia akan menaikkan lagi mutu pembelajaran bukan sahaja di sekolahnya bahkan kesemua 27 sekolah menengah dan rendah yang ada di Labuan ini kerana akhirnya para pelajar sendirilah yang akan mendapat manfaat daripada kaedah pembelajaran tersebut.

Beliau juga berharap agar kemudahan ini turut memberi impak positif kepada murid dalam proses pembelajaran menerusi teknologi terkini serta membantu ibubapa dalam pemantauan tugas secara atas talian.

Turut hadir Pengarah Pembangunan Perniagaan YTL Communication Sdn Bhd, Haji Shahirul Amran yang mana syarikat tersebut merupakan Pembekal Perkhidmatan Projek lBestariNet Fasa 2 ini.

---

## Majlis Anugerah Teknologi Pendidikan Labuan 2016



27 Nov 2016 – Lebih daripada 50 anugerah daripada 23

kategori telah disampaikan dalam Majlis Anugerah Teknologi Pendidikan Labuan yang diadakan di Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri Wilayah Persekutuan Labuan, Sungai Lada baru-baru ini.

Pengarah Jabatan Pendidikan Labuan, Encik Raisin Saidin berkata, anugerah tersebut ialah sebagai pengiktirafan kepada hasil usaha, kesungguhan dan pencapaian terbaik yang ditunjukkan oleh pihak sekolah dalam bidang pusat sumber sekolah dan ICT.

*“Setiap kategori anugerah telah dikenal pasti untuk diberi pengiktirafan, dimana kesemuanya melibatkan bagaimana teknologi pendidikan yang merangkumi pusat sumber sekolah dan peralatan ICT itu direka bentuk agar dapat digunakan atau dapat menyumbang kepada akses maklumat khususnya kepada murid sama ada di dalam bilik darjah mahu pun di luar bilik darjah,” katanya.*

Antara anugerah yang diberikan ialah anugerah guru penyelaras bestari/ICT, anugerah guru perpustakaan dan media, anugerah guru data, anugerah juruteknik komputer, anugerah VLE, anugerah pusat sumber cemerlang, anugerah pusat sumber pencapaian lima bintang, anugerah makmal komputer terbaik, anugerah laman web sekolah, anugerah pengurusan pusat akses sekolah terbaik, anugerah pembestarian sekolah dan anugerah pengurusan data sekolah.

---

## **Karnival Gempak PIBK 2016**



**26 Nov 2016** – Karnival Gempak PIBK 2016 yang julung-julung kalinya diadakan hasil gabungan Pemuafakatan YDP PIBG seluruh Labuan. Program seperti ini adalah bertepatan dengan anjakan ke 9 dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia iaitu Bekerjasama Dengan Ibu Bapa, dan Komuniti secara meluas. Karnival ini dirasmikan oleh Yang Berhormat Datuk Rozman bin Hj. Datu Isli, Ahli Parlimen P. 166 W.P. Labuan dan pelbagai acara menarik telah dirancang sepanjang karnival tersebut berlangsung antaranya ialah pertandingan bola sepak pantai, bola tampar pantai, mewarna, teka bilangan biji kacang dan cabutan bertuah kepada pengunjung yang bertuah.